

Received	23 July 2024	Accepted	23 July 2024
Revised	30 August 2024	Published	1 December 2024
Volume	5, December 2024	Pages	1-10
http://doi.org/			
To cite: Ahmad Daniel Fitri Ismail & Mohd Khairul Akhbar Jahiruddin. 2024. Bahasa, solidariti dan perjuangan: mengungkap unsur bahasa dalam “ <i>Syddu Baa’dkum Ya Ahla Falastin</i> ” nyanyian Hajah Halimah Al-Kaswani. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 5 (December 2024): 1-10. DOI: http://doi.org/			

Bahasa, Solidariti dan Perjuangan: Mengungkap Unsur Bahasa dalam “*Syddu Baa’dkum Ya Ahla Falastin*” nyanyian Hajah Halimah Al-Kaswani

Language, Solidarity and Struggle: Unveiling the Linguistic Elements in “*Syddu Baa’dkum Ya Ahla Falastin*”
Sung by Hajah Halimah Al-Kaswani

Ahmad Daniel Fitri Ismail¹ & Mohd Khairul Akhbar Jahiruddin²

Abstrak

Isu pembantaian ke atas warga Gaza merupakan satu permasalahan internasional yang perlu diambil berat oleh semua warga dunia karena ia bukanlah sekadar permasalahan agama, bukan hanya permasalahan suatu bangsa, dan bukan pula peperangan ideologi. Sebaliknya, ini adalah isu kemanusiaan, berlakunya pembantaian di mana penduduk Gaza dibunuh dan dizalimi dengan kejam tanpa pandang bulu, baik itu anak-anak, perempuan, atau warga emas dan tanpa mengira agama. Nyanyian “*Syddu Baa’dkum Ya Ahla Falastin*” ini dilihat pernah menjadi fenomena di kalangan bangsa Arab di mana dengan nyanyian yang asalnya pendek disambung dan diolah oleh masyarakat luar Gaza sehingga membangkitkan semangat bersolidariti ke atas warga Gaza. Oleh karena itu, kajian ini dilakukan dengan tujuan menganalisis lagu Arab tersebut yang telah menjadi pendorong bagi penduduk Gaza dan komuniti global dalam mengekspresikan solidariti bersama penduduk Gaza. Diharapkan kajian ini dapat membuka mata masyarakat melayu terhadap kebenaran, iaitu penindasan dan ketidakadilan yang terjadi

¹ Ahmad Daniel Fitri Ismail and Muhammad Iqbal Zakwan Ismail are final-year students in the Bachelor of Arabic Language and Linguistics program at Universiti Malaya.
e-Mail: fitrid33atwork@gmail.com

² Mohd Khairul Akbar Jahiruddin is language lecturer at Department of Arabic Language and Middle Eastern Languages, Faculty of Languages and Linguistics, Universiti Malaya, Malaysia. e-Mail: akhbarnp@um.edu.my

terhadap penduduk Gaza, dan selanjutnya memberikan dukungan sepenuhnya kepada mereka serta menginspirasi semangat perjuangan mereka. Kajian ini merupakan kajian kualitatif secara stilistik melalui peninjauan dan analisis lagu tersebut. Kajian ini dilakukan dengan memeriksa dan menghuraikan makna-makna yang disampaikan oleh penyampai lagu tersebut agar dapat dipahami oleh semua lapisan masyarakat di seluruh kepulauan Nusantara yang memahami bahasa Melayu. Kajian ini akan memberikan sorotan pada bagaimana nyanyian tersebut mampu mempengaruhi dan memberikan efek besar terhadap dukungan dan solidariti bagi penduduk Gaza di Palestin. Hasil dari kajian ini adalah melihat kemampuan dan cara menerapkan sastra sebagai pembangkit solidariti serta melihat unsur-unsur bahasa yang wujud dalam nyanyian tersebut. Kesimpulannya, sastra berfungsi sebagai medium untuk membina sokongan dan solidariti yang tidak bisa dianggap remeh dalam kesannya.

Kata kunci: isu kemanusiaan, solidariti Gaza, nyanyian "Syiddu Baa'dkum Ya Ahla Falastin", analisis stilistik, pengaruh sastra.

Abstract

The massacre against the residents of Gaza is an international issue that needs to be taken seriously by people worldwide because it is not just a religious problem, not only a problem of a particular nation, and not a war of ideologies. Instead, it is a humanitarian issue, where a massacre is occurring where the people of Gaza are being brutally killed and oppressed indiscriminately, regardless of age, gender, or religion. The song "Syiddu Baa'dkum Ya Ahla Falastin" has been a phenomenon among the Arab population, where the original short song has been extended and adapted by communities outside Gaza, stirring up a spirit of solidarity with the people of Gaza. Therefore, this research aims to analyse this Arab song, which has become a catalyst for the residents of Gaza and the global community in expressing solidarity with the people of Gaza. The research hopes to open the eyes of the Malay community to the truth, namely the oppression and injustice inflicted on the people of Gaza, and subsequently, to provide full support to them and inspire their spirit of resistance. This qualitative research employs a stylistic approach through the examination and analysis of the song. The study involves scrutinizing and elucidating the meanings conveyed by the song's performers so that it can be understood by all layers of society across the Nusantara archipelago that comprehends the Malay language. The research will shed light on how the song can influence and have a significant impact on the support and solidarity for the people of Gaza in Palestine. The results of this research aim to understand the ability and application of literature as a generator of solidarity, as well as to identify the linguistic elements present in the

song. In conclusion, literature serves as a medium to construct support and solidarity that should not be underestimated in its effects.

Keywords: *humanitarian issues, Gaza solidarity, the song "Syiddu Baa'dkum Ya Ahla Falastin", stylistic analysis, literary influence.*

Pendahuluan

Pada tahun 2023 sekali lagi seluruh dunia digemparkan dengan peperangan Israel dan Palestin yang merupakan satu perang yang besar yang digelar dengan "طوفان الأقصى" iaitu Perang Taufan Al-Aqsa. Menurut laman United Nation OCHA sehingga 7 Januari 2024 perang tersebut telah mengakibatkan korban seramai 22,185 warga Palestin dan juga seramai 57,035 warga yang dilaporkan tercedera akibat perang. Laman CNBC Indonesia menyatakan sepanjang 14 tahun terakhir konflik dari tahun 2008 sehingga tahun 2022 Israel telah melancarkan pelbagai siri serangan terhadap Palestin dan telah mengakibatkan korban jiwa seramai 6.180 warga dan korban luka seramai 144.052. Dapat disimpulkan dengan jelas bahawa dalam peperangan Taufan Al-Aqsa ini merupakan siri serangan yang mengakibatkan korban jiwa yang tertinggi berbanding 14 tahun terakhir konflik berlaku.

Pada Oktober tahun 2022 satu rakaman video pendek telah tersebar luas di Internet di mana seorang warga emas Palestin menyanyikan sebuah lagu yang diberi tajuk "Syiddu Baa'dkum Ya Ahla Falastin" yang maksudnya kuatlah diri kalian satu sama lain wahai penghuni Palestin. Lagu tersebut telah dinyanyikan oleh seorang wanita tua Palestin yang bernama Hajah Halimah Al-Kaswani. Video tersebut telah menjadi fenomena di seluruh dunia bukan sahaja di Palestin, bukan sahaja di negara-negara Arab di Timur tengah bahkan telah tersebar ke semua negara melalui Internet. Video tersebut juga telah bertambah tular selepas di mendapat reaksi dari pelbagai warga dengan merakamkan video membalas video tersebut. Video itu juga mendapat perhatian dari penyanyi cilik yang terkenal di negara-negara Timur Tengah iaitu Zain Daqqa. Beliau juga merakam video balas terhadap video Hajah Halimah. Video Hajah Halimah telah tersebar bahkan beliau mendapat liputan dari pihak wartawan berita seperti Al-jazeera dan Al-Quds Today.

Sebuah wawancara dilakukan oleh wartawan Al-Quds Today dan dimuat naik tepat pada 27 Oktober 2022 menyifatkan nyanyian yang dinyanyikan Hajah Aminah sebagai sebuah seruan kepada masyarakat umumnya untuk saling membantu, bekerjasama dan bersatu dalam sebuah kesatuan membantu Palestin. Kajian ini dilaksanakan bagi melihat isi kandungan yang wujud dalam nyanyian tersebut sehingga menyebabkan orang ramai memberi reaksi positif serta mahu menyokong Palestin seterusnya bersolidari terhadap nasib Palestin. Kajian diharapkan akan membantu mereka yang bukan warga Arab khususnya di kepulauan Nusantara lebih memahami isi yang disampaikan Hajah Halimah sehingga mampu memberikan solidariti kepada Palestin agar terbebas dari konflik yang meragut nyawa.

Isu utama yang menjadi permasalahan dalam kajian ini ialah masalah pemahaman bahasa oleh masyarakat di luar bangsa Arab. Nyanyian tersebut dimuat naik dalam bahasa Arab iaitu bahasa yang digunakan oleh warga Palestin. Masyarakat di luar bangsa Arab khususnya di sekitar Malaysia, Singapura dan Indonesia sukar

untuk memahami bahasa tersebut kerana ia merupakan bahasa asing yang jarang dituturkan oleh masyarakat setempat. Kebanyakan dari mereka ini mereaksi terhadap klip tersebut sebagai sesuatu kalam yang indah serta yang mungkin mencakup makna yang mendalam. Mereka melihat itu sebagai sebuah klip video yang mengharukan kemudian memberikan sokongan serta solidariti mereka secara membabi-butu tanpa memahami apa yang disampaikan. Oleh itu, tahap solidariti mereka belum mencapai tahap maksimum kerana bersifat membabi-butu tanpa memahami makna yang wujud dalam klip video tersebut. Menurut Nurul Ainiy et. al (2019) disebabkan tahap penguasaan bahasa yang rendah terhadap unsur-unsur yang wujud dalam bahasa sumber menyebabkan berlaku kesalahan pemahaman makna teks. Kesimpulannya, tanpa memahami teks yang disampaikan tahap solidariti yang disampaikan adalah tidak maksimum yang seharusnya memberi kesan yang mendalam sehingga solidariti dan sikap mengambil tahu nasib warga Palestin bukan hanya waktu perang dan tular sahaja, akan tetapi setiap saat serta setiap masa menyatakan solidariti ke atas nasib warga Palestin.

Kajian ini dilaksanakan bagi membantu masyarakat di sekitar Malaysia, Singapura dan Indonesia memahami bahasa penyampaian lagu “*Syiddu Baa’dkum Ya Ahla Falastin*” dengan menghuraikan unsur serta laras bahasa yang wujud dalam lagu tersebut. Seterusnya membincangkan bagaimana lagu tersebut mampu membangkitkan semangat untuk bersolidariti mempertahankan warga Palestin dari dianyai oleh penjajahan negara haram Israel ke atas Palestin. Kajian ini perlu dilaksanakan bagi membangkitkan semangat solidariti yang maksimum dalam masyarakat di sekitar tiga negara tersebut.

Objektif Kajian

Beberapa objektif kajian telah disusun dalam kajian ini untuk menjadikannya sebuah kajian yang sistematik, berpusat dan teratur. Objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengkaji dan membahas serta menerangkan unsur dan laras bahasa yang wujud dalam nyanyian “*Syiddu Baa’dkum Ya Ahla Falastin*” berdasarkan ilmu stilistik dan maknanya agar dapat difahami semua lapisan masyarakat.
2. Mengkaji bagaimana nyanyian tersebut mampu meniuip semangat untuk menyatakan solidariti kepada rakyat Palestin dengan unsur-unsur bahasa yang terkandung dalam nyanyian tersebut sehingga dinyatakan sebagai seruan perpaduan, kerjasama dan bersatu padu bersama Palestin.

Sorotan Literatur

Dalam mengkaji kesan lagu “*Syiddu Baa’dkum Ya Ahla Falastin*” kepada solidariti terhadap warga Gaza, pengkaji turut melihat kepada kajian- kajian lepas yang berkaitan sebagai penguat kepada kajian ini. Kajian pertama yang pengkaji datangkan merupakan kajian Scandrett et. al pada 2020 yang bertajuk *Cultural resistance in occupied Palestine and the use of creative international solidarity through song* menyatakan bahawa muzik, puisi, lagu dan tarian merupakan cara utama mobilisasi sosial dan politik yang mampu menyediakan ruang yang berprestasi untuk menggagalkan tindakan Israel. Scandrett et. al juga menyatakan bahawa kesan dari

lagu jauh lebih kuat berbanding senjata di tangan askar dengan membangkitkan perpaduan dalam masyarakat sehingga lebih kuat. Mereka juga menyifatkan lagu sebagai nyanyian perpaduan yang membantu menjana struktur perasaan, di mana kemungkinan masa depan yang tidak dijajah, di Palestin dan di seluruh dunia, dirasai sebelum ia menjadi kenyataan.

Seterusnya, Eyerman, R. and Jamison, A. (1998) dalam *Music and Social Movements: Mobilising Traditions in the Twentieth Century* melihat muzik, seni dan sastera menyediakan sumber yang penting dalam pembaharuan gerakan sosial dengan menanamkan makna yang baharu dan menyusun semula pergerakan sosial. Secara mudahnya membawa maksud ia memberi kesan kepada budaya adat dan gerakan sosial dengan membina semula proses interaksi sosial dan pembentukan semula identiti sosial. Mereka juga melihat kesan muzik yang bahkan mampu mengubah landskap politik.

Akhir sekali, pengkaji juga melihat kepada buku *My Voice Is My Weapon* yang ditulis oleh McDonald, David A. yang diterbitkan pada tahun 2013. Buku tersebut berkaitan dengan lagu dan efek lagu kepada masyarakat Palestin. Melalui persembahan dan lagu, ia membantu membentuk gambaran tentang kisah-kisah yang dialami warga Palestin. Menurutnya lagi seni, khususnya lagu memainkan peranan penting dalam menggerakkan dan meningkatkan semangat seseorang.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang dijalankan dalam bentuk kajian secara stilistik kualitatif. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dokumentasi. Pada peringkat awalnya, subjek kajian iaitu lagu “*Syiddu Baa’dkum Ya Ahla Falastin*” akan diterjemahkan kepada Bahasa Malaysia. Penterjemahan ini akan membantu memberi gambaran kasar kepada pembaca untuk memahami teks yang wujud dalam lagu tersebut. Kemudian kajian ini diteruskan lagi dengan menganalisis unsur serta laras bahasa yang wujud dalam lagu tersebut. Unsur bahasa tersebut akan diterangkan secara deskriptif serta berfokus kepada unsur yang telah serta mampu membangkitkan semangat solidariti pendengar serta mereka yang memahaminya.

Seterusnya, kajian akan menganalisis komen dari warga dunia maya pada video klip yang disebar di Internet. Kajian akan melihat kepada reaksi para penonton sama ada negatif atau positif. Seterusnya melihat kepada impak kepada warga Internet bagaimana lagu ini meningkatkan semangat solidariti mereka bersama rakyat Palestin. Kajian ini berfokus kepada satu klip sahaja yang diambil dari YouTube yang di muat naik oleh “Balad tv - تلفزيون بلد” dengan tontonan sebanyak 4.2M penonton. Berikut merupakan link bagi klip tersebut,

<https://www.youtube.com/watch?v=qsHfCVSyXPI&t=11s>.

Analisis Kajian

Terjemahan Teks

Bahasa Melayu	Bahasa Arab
Datanglah dan kuatlah diri kalian satu sama lain wahai penghuni Palestin..... Kuatkanlah satu sama lain.	شِدُّوْا بَعْضُكُمْ يَا أَهْلَ فَلَسْطِينِ... شِدُّوْا بَعْضُكُمْ
Dia tidak mengucapkan selamat tinggal kepada kamu..... Palestin telah pergi... Dia tidak mengucapkan selamat tinggal kepada kamu	مَا وَدَّعْتُمْ... مَا وَدَّعْتُمْ فَلَسْطِينِ، مَا وَدَّعْتُمْ
Atas sekeping kertas cina akan aku tulis dan catat dengan tinta.... Di atas sekeping kertas cina.	عَ (عَلَى) وَرَثُ صِيْنِي لَكْتُبُ بِالْحَبْرِ... عَ (عَلَى) وَرَثُ صِيْنِي
Wahai Palestinku..... Aku akan catat dan dokumentasikan semua yang berlaku ke atas engkau wahai Palestinku.	يَا فَلَسْطِينِي... عَيِّي جَرَا لِكَ يَا فَلَسْطِينِي

Unsur dan Laras Bahasa dalam Teks

Dalam setiap seni karya unsur dalam penyampaian merupakan perkara yang terpenting untuk menjadikannya suatu karya yang indah. Kandungan setiap karya seni mengandungi makna yang tersurat yang dapat difahami dengan jelas oleh pembaca atau pendengar. Wujud juga makna yang tersirat di sebalik karya yang apabila difahami dan dihayati akan mendapati akan perasaan sebenar penulis mahupun penyampai yang terkandung dalam karya seni tersebut. Makna tersirat inilah menjadi penghubung kepada masyarakat mencapai tahap tertinggi penghayatan dari suatu karya seni. Berikut merupakan penjelasan terhadap unsur bahasa secara stilistik yang wujud dalam lagu yang telah diterjemahkan.

Baris Pertama “شِدُّوْا بَعْضُكُمْ يَا أَهْلَ فَلَسْطِينِ... شِدُّوْا بَعْضُكُمْ”

Berdasarkan terjemahan di atas dapat dilihat bahawa bait tersebut menggunakan gaya bahasa “amar” iaitu suruhan atau arahan. Perkataan “شِدُّوْا” merupakan sebuah fiil amar jama’ iaitu kata kerja suruhan yang mengarah kepada orang yang ramai lebih dari tiga orang. Menurut ilmu balaghah gaya bahasa Amar atau suruhan merupakan tuntutan dari penuntut untuk melaksanakan sesuatu perbuatan dengan kedudukannya yang tinggi dan mengharuskan pelaksanaannya. Manakala bentuk bagi gaya bahasa tersebut adalah an-nashu wal-irsyad iaitu nasihat dan arahan. Gaya bahasa ini khusus mereka yang lebih tua memberi arahan kepada yang lebih muda.

Seterusnya dapat dilihat ada ujaran “يَا أَهْلَ فَلَسْطِينِ” bait tersebut juga menggunakan gaya bahasa seruan atau panggilan dengan menggunakan kalimah “يَا” yang merupakan perkataan seruan bermaksud wahai. Secara literal dapat difahami seruan itu khusus kepada warga Palestin sahaja kerana jelas dinyatakan “wahai warga Palestin”. Akan tetapi dalam pembahasan *At-Tauriah* dapat difahami makna tersirat yang terkandung di dalam ayat tersebut. Menurut Dr. Abbas dalam kitabnya *Al-balaghah Funuha Wa Afnuha, At-Tauriah* merupakan satu lafaz perkataan yang mengandungi dua makna, makna pertama ialah makna yang hampir dan makna kedua merupakan makna yang jauh tetapi ia merupakan makna sebenar yang dimaksudkan

berserta petunjuk yang menerangkannya. Makna kedua bagi kalimah “*ahla falastin*” ialah *ahlul Islam* iaitu seluruh orang Islam. Makna keduanya seluruh orang muslim dapat difahami kerana petunjuk dalam perkataan *Falastin* iaitu satu dari tiga tanah suci milik umat Islam di mana disana terbina sebuah masjid agung Masjid Al-Aqsa.

Akhir sekali pengulangan kalimah “*شِدُّوا بَعْضُكُمْ*” yang sudah disebut pada awalnya merupakan sebuah gaya bahasa yang penting dikenali dengan *At-Taukid*. *At-Taukid* pada bahasa merupakan penegasan. Bentuk dari *taukid* yang digunakan ialah *at-taukid al-lafzi* iaitu dengan penegasan dengan mengulangi kalimah sebelumnya. Dapat disimpulkan bahawa kalimah yang sama di ulang sebagai bentuk penegasan kerana ia merupakan suatu yang penting.

Baris Kedua “*مَا وَدَّعْتَكُمْ....رَحَلْتُ فَلَسْطِينَ، مَا وَدَّعْتُمْ*”

Kalimah “*ما*” dalam bait tersebut membawa maksud tidak yang merupakan penafian. Ia menafikan bahawa Palestin pergi dengan mengucapkan selamat tinggal. Dapat difahami bahawa Palestin disini telah pergi atau menghilang dalam keadaan senyap tanpa disedari. Juga dapat difahami bahawa berita-berita dan perkhabaran amatlah sedikit tentang keadaan Palestin yang kian hari semakin teruk, semakin digasak oleh Israel menyebabkannya sedikit demi sedikit menghilang. Sebagaimana yang diketahui pada awalnya Palestin sebuah negara yang besar tanpa adanya sebuah negara haram Israel. Kini Palestin kehilangan lebih dari dua per tiga kawasan wilayahnya kerana penjajahan oleh negara haram Israel. Keadaan ini digambarkan dengan Palestin pergi tanpa mengucapkan selamat tinggal.

Selain itu, wujud juga penggunaan *majaz* ataupun lebih dikenali dengan metafora. Menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka metafora bermaksud penggunaan perkataan untuk menyatakan maksud yang berlainan dari maksud asal perkataan tersebut atau lebih mudahnya dikenali dengan kiasan. Perkataan “*رَحَلْتُ*” yang bermaksud Palestin telah pergi merupakan sebuah metafora yang sebenarnya ingin menggambarkan keadaan Palestin yang telah hancur sekarang. Perkataan “*rahalat*” sebenarnya membawa “*dummirat*” iaitu telah hancur. Perkataan “*rahalat*” juga boleh difahami dengan menghilang. Sedihnya Palestin yang gagah dan agung kini hancur bahkan menghilang sebahagiannya dari peta dunia.

Baris Ketiga dan Keempat

Dalam dua baris terakhir ini dapat kita lihat bahawa Hajah Halimah Al-Kaswani menyatakan dia akan menulis di atas sekeping kertas menggunakan tinta untuk menulis dan mencatat apa yang berlaku kepada Palestin. Pada zaman yang penuh dengan kemajuan dan pembangunan alat-alatan canggih, penulisan di atas kertas sangat tidak relevan kerana sukar untuk dikongsikan hasil penulisan tersebut. Pada masa kini penulisan sudah dilakukan di Internet seperti di laman *blogspot* di mana semua orang di dunia mampu akses dengan mudah di mana berada. Akan tetapi penggunaan sekeping kertas dan tinta ini merupakan sebuah metafora yang mengandungi makna yang mendalam. Makna dari metafora tersebut adalah disebabkan oleh peperangan, penjajahan dan konflik yang berterusan, Palestin mengalami kemunduran dan kekurangan bahkan lebih teruk lagi kemajuan yang seharusnya dikecapi di era ini dihancurkan oleh penjajah negara haram Israel.

Sekeping kertas menggambarkan usaha beliau walaupun dengan penuh kekurangan dengan hanya sekeping kertas keadaan Palestin perlu ditulis dan disampaikan kepada dunia. Dari bait yang ketiga ini mampu kita lihat kekurangan dan kemiskinan yang melanda rakyat Palestin bukan sahaja kekurangan dari teknologi bahkan peralatan harian juga tidak mencukupi.

Akhirnya, pada bait terakhir Hajah Halimah menyatakan akan mencatat dan mendokumentasikan semua perkara yang berlaku ke atas tanah airnya Palestin. Ini merupakan suatu bentuk perjuangan beliau dengan umurnya yang sudah tua. Beliau seorang wanita tua yang lemah tubuhnya tidak lagi mampu berdiri memegang senjata menentang musuh di barisan hadapan. Akan tetapi semangatnya mempertahankan tanah airnya tidak pernah luntur walau sedikit pun. Beliau menjadikan usaha terakhir beliau dalam membebaskan Palestin yang dijajah dengan penulisan iaitu menulis untuk menyampaikan mesej tersebut kepada dunia walau hanya di atas sekeping kertas. Gigihnya usaha wanita tua ini agar dunia mengetahui kisah sebenar dan seterusnya mencatatkan kisah Palestin agar menjadi sejarah yang tidak dilupakan di masa hadapan.

Dapatan Kajian

Seruan, Simpati, Perspektif dan Solidariti

Pemahaman yang mendalam terhadap makna yang tersirat yang disampaikan dalam sebuah penyampaian teramatlah penting. Selepas memahami makna tersirat dan makna tersurat dalam lagu "*syiddu baa'dkum ya ahla falastin*", ia memberi efek yang positif terhadap solidariti dukungan kita terhadap isu kemanusiaan di Palestin di mana berlakunya pembunuhan beramai-ramai yang membabi-butakan tanpa mengira jantina dan umur. Wanita, kanak-kanak dan warga emas di bunuh tanpa belas kasihan di mana penempatan mereka telah di bom sehingga memakan jumlah korban yang ramai.

Seruan, simpati dan perspektif merupakan unsur serta perkara yang diketengahkan di dalam lagu tersebut untuk mencapai solidariti yang tinggi dari rakyat dunia. Pada awal bait lagu tersebut masyarakat Islam di seluruh dunia telah diseru untuk sama-sama bersatu padu dan menguatkan satu sama lain. Seterunya berusaha membebaskan Palestin yang merupakan kota suci umat Islam dari penjajah Israel yang biadab terhadap dunia Israel. Dapat kita lihat, beberapa siri penyerangan negara haram Israel berlaku di bulan suci seperti bulan Ramadhan dan menyasarkan masjid-masjid di Palestin. Perlakuan ini dikategorikan sebagai perbuatan yang tidak mempunyai sifat *insaniah* dan menghina umat Islam seluruh dunia. Oleh itu, umat Islam seharusnya menyahut seruan ini untuk membuktikan kesucian agama Islam dari dipijak dan dihina seterusnya menjaga kesucian tanah suci Al-Aqsa milik umat Islam.

Unsur kedua yang terpenting ialah meraih simpati. Dalam bait kedua Palestine digambarkan telah hancur dengan pernyataan Palestin telah pun pergi. Palestin pergi dalam keadaan senyap tanpa mengucapkan selamat tinggal kerana dijarah oleh negara haram Israel hari demi hari. Bait kedua menggambarkan kehancuran tempat tinggal, kehancuran bangunan-bangunan pekerjaan di mana rakyat Palestin kehilangan segala-galanya yang dulu menjadi milik mereka. Bayangkan Palestin dari sebuah

Bayangkan Palestin dari sebuah negara yang besar kini hanya tinggal kurang dari satu per tiga akibat penjajahan, berapa ramaiakah rakyat Palestin yang telah kehilangan rumah, tempat tinggal mereka serta harta-harta mereka seperti kebun kurma dan zaitun seterusnya menjadi pelarian. Menurut laman sinar harian pada 14 Oktober 2023 jumlah pelarian dicatatkan seramai 423,378 orang. Hal ini akan menyuntik simpati ke dalam diri pendengar seterusnya memberikan semangat untuk menzahirkan solidariti mereka.

Akhir sekali, unsur yang terpenting adalah menanamkan perspektif positif terhadap Palestin. Dalam dua bait terakhir apabila difahami memberi gambaran keadaan Palestin yang serba kekurangan serta memberi gambaran kekejaman Israel terhadap Palestin. Hal ini membantu memberi perspektif yang baik terhadap Palestin dan seterusnya memberi perspektif serta imej yang sebenar terhadap Israel yang cuba ditutup oleh media pro-Israel. Israel telah menganiayai dan menindas warga Palestin semenjak peristiwa *Nakbah* yang pertama pada tahun 1948. Perspektif bahawa warga Palestin ini dianiayai serta usaha yang dilakukan warganya dalam mempertahankan tanah air mereka seperti perjuangan yang dilakukan oleh Hajjah Halimah di usia tuanya akan membantu membangkitkan semangat solidariti dalam warga dunia khususnya warga di sekitar kepulauan Nusantara. Kesimpulannya, ketiga-tiga unsur ini penting dalam membangkitkan semangat untuk bersolidariti bersama Palestin.

Kesimpulan

Sastera merupakan satu wahana penyebaran maklumat dan perasaan yang penting. Perasaan penulis dan penyampainya dicurahkan ketika karya tersebut disampaikan. Akan tetapi sastera merupakan satu bentuk bahasa yang tinggi. Hal ini bertujuan menjadikan sastera menarik serta menimbulkan ketakjuban ke atas keindahan bahasa suatu sastera itu. Oleh sebab itu sastera memerlukan penjelasan dan perincian kerana ia tidak mampu difahami dengan hanya sekali baca atau dengan mendengarnya sepiantas lalu. Dek kerana bahasanya yang banyak makna yang tersirat yang hanya dapat difahami ketika sudah ditelaah beberapa kali serta mempunyai pengetahuan tentang unsur-unsur bahasa. Makna tersiratlah yang menjadi nilai yang paling berharga di dalam sesebuah karya sastera.

Melalui kajian ini juga kita mampu melihat bagaimana makna tersirat serta unsur bahasa yang terkandung dalam suatu karya sastera mampu membantu meningkatkan semangat solidariti. Hal ini kekayaan laras bahasa yang terkandung di dalamnya sehingga mampu menyampaikan seruan kepada masyarakat dunia, mampu menceritakan kisah seterusnya meraih simpati kemudiannya mampu mengubah perspektif masyarakat terhadap musuh mereka dan akhirnya membangkitkan semangat solidariti penduduk dunia.

Rujukan

1. Abbas, F. H. 2002. *Balaghah Fununuha Wa Afnanuha*. Dār al-Furqān lil-Nashr wa al-Tawzī‘, Amman, Jordan.
2. Al-Quds Al-Yawm. *Shadu Ba'dakum Ya Ahl Falastin 'Ala Angham Al-Turath Al-Filistini. Al-Hajjah Umm Al-Abd Tad'u Al-Jami' Li-L-Ta'azur Wa-L-Wihdah* [video]. Diambil daripada:

- https://www.youtube.com/watch?v=ruxg6CwQyI&ab_channel=al-Quds_al-Yawm-alqudstoday. Diakses pada: 27 Oktober 2022
3. Balad TV - Tilfizyūn Balad. *Al-f̄diyū al-kāmīl | Shadu ba'ḍukum yā ahl Filasṭīn* [Video]. Diambil daripada: <https://www.youtube.com/watch?v=qsHfCVSyXPI&t=11s>. Diakses pada: 26 Oktober 2022
 4. Dewan Bahasa Dan Pustaka. 2017. Kamus Bahasa Melayu - Metafora. Diambil daripada: <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=metafora>
 5. Eyerman, R., & Jamison, A. 1998. *Music and Social Movements: Mobilising Traditions in the Twentieth Century*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
<https://doi.org/10.1017/CBO9780511628139>
 6. Anon. 2023. Ratusan ribu penduduk Palestin jadi pelarian. Diambil daripada: <https://www.sinarharian.com.my/article/629265/global/ratusan-ribu-penduduk-palestin-jadi-pelarian>. *Sinar Harian*, 14 Oktober
 7. Anon. 2022. Apa itu Peristiwa Nakba dan Artinya bagi Palestina? Diambil daripada: <https://www.cnnindonesia.com/internasional/20220512141040-120-795941/apa-itu-peristiwa-nakba-dan-artinya-bagi-palestina>. *CNN Indonesia*, 13 Mei
 8. McDonald, D. A. 2013. *My Voice Is My Weapon: Music, Nationalism, and the Poetics of Palestinian Resistance*. Durham, NC: Duke University Press.
<https://doi.org/10.1353/book.64121>
 9. Nurul Ainiy, Imam Asrori, M. P., & Achmad Tohe. 2019. Analisis kesalahan pada terjemahan teks berita mahasiswa Sastra Arab Universitas Negeri Malang. *Prosiding Konferensi Nasional Bahasa Arab V Malang* (5).
 10. Scandrett, E., Soliman, M., & Stone, P. 2020. Cultural resistance in occupied Palestine and the use of creative international solidarity through song. *Journal of Arts & Communities*, 12(1-2), 41-56. https://doi.org/10.1386/jaac_00022_1
 11. Tim Riset CNBC Indonesia. 26 October 2023. Korban Tewas Palestina Ratusan Ribu, 500 Kali Lipat vs Israel. *CNBC Indonesia*. Diambil daripada: <https://www.cnbcindonesia.com/research/20231024141340-128-483228/korban-tewas-palestina-ratusan-ribu-500-kali-lipat-vs-israel>
 12. United Nations Office for the Coordination of Humanitarian Affairs. 2024. *Reported Impact Since 7 October 2023*. Diambil daripada: <https://www.ochaopt.org>